

**KUNJUNGAN HORMAT LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA
NEGARA (LPPKN) NEGERI SEMBILAN KE JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH
NEGERI SEMBILAN (JKSNS)**

30 OGOS 2022 | YAA Dato Abas Bin Nordin, Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNS) telah menerima kunjungan hormat daripada En Azlan Shah Bin Nazruddin, Pengarah, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Sembilan. Beberapa perkara telah dibincangkan dalam pertemuan ini khususnya isu kecelaruan minda dan emosi pihak-pihak termasuk anak-anak dan keluarga terdekat ketika pasca perceraian.

Justeru itu, jalinan kerjasama JKSNS dengan LPPKN Negeri Sembilan akan merangka kaedah dan garis panduan sesuai untuk menangani isu tersebut. Usaha ini jelas memperlihatkan bahawa kesinambungan penyampaian perkhidmatan keadilan kepada masyarakat tidak terhenti setakat helaian perintah dikeluarkan bahkan melewati batas tersebut sehinggalah keadilan benar-benar tertegak dan tidak hanya sekadar kelihatan sahaja. Semoga usaha ini diberkati dan dapat direalisasikan untuk manfaat masyarakat di Negeri Sembilan.

GALERI



